



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

GARIS PANDUAN TERMA RUJUKAN

SKIM TENAGA PENGAJAR INDUSTRI -
EXPERT@UMPSA



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH



TEKNOLOGI
UNTUK
MASYARAKAT



EXPERT@UMPSA

(Experiential Course with Professionals, Engineers, and Technocrats)

GARIS PANDUAN TERMA RUJUKAN
SKIM TENAGA PENGAJAR INDUSTRI – EXPERT@UMPSA

- (1) Skim : Pakar Industri
- (2) Jawatan : EXPERT@UMPSA
- (3) Tujuan Pelantikan : Skim ini diwujudkan untuk melantikan tenaga pakar daripada industri sama ada dari dalam atau luar negara ke dalam perkhidmatan universiti melalui pengalaman dan kepakaran yang dimiliki selain memberi faedah dan manfaat kepada universiti.
- (4) Tempoh Perkhidmatan : Pelantikan untuk satu tempoh minimum 1 semester atau maksimum 2 semester secara berturut.
- (5) Tempoh Bertugas : Sesi Pengajaran dan Pembelajaran secara penuh iaitu mengikut jadual kuliah kursus atau secara pengajaran kolaboratif (*team-teaching*)
- (6) Elaun dan Kemudahan : RM 150/jam (atau maksimum RM 2,100/kredit) atau secara *in-kind*
- (7) Kemudahan Perubatan : Untuk diri sendiri di Pusat Kesihatan Universiti atau Klinik Panel Universiti
- (8) Bidang Tugas :
 - (a) Mengadakan sesi pengajaran, menyampaikan ilmu dan kemahiran praktikal yang relevan dan terkini selaras dengan kehendak industri kepada pelajar.
 - (b) Melibatkan diri dan memberikan khidmat nasihat dalam pembangunan dan penyelarasan kurikulum bersama pihak akademik untuk memastikan silibus kursus relevan dengan perkembangan semasa dalam industri.
 - (c) Membantu dalam penilaian hasil pembelajaran dan keberkesanan pengajaran dari perspektif industri.
 - (d) Memberi maklumbalas terhadap prestasi pelajar dan menyediakan laporan yang berkaitan kepada Ketua Program
 - (e) Menjalin kerjasama strategik antara universiti dan industri untuk tujuan memperkukuh hubungan akademik-industri.

- (9) Cuti : Berdasarkan kelayakan cuti tahunan yang diperuntukan oleh organisasi asal calon.
- (10) Penamatan Perkhidmatan : Universiti dan calon boleh menamatkan perkhidmatan dengan memberitahu notis secara bertulis kepada Naib Canselor.
- (11) Kriteria Pelantikan :
- (a) Pemilihan calon melalui perakuan Mesyuarat Pengurusan Fakulti/Pusat/Institut dan kelulusan Jawatankuasa Pemilih Universiti.
 - (b) Latar belakang industri yang relevan dengan bidang pengajaran dan berkebolehan untuk menyampaikan ilmu secara berkesan dan membimbing pelajar dalam konteks industri.
 - (c) Mempunyai pengalaman kerja yang luas dalam industri, minimum 10 tahun atau dikenali sebagai pakar atau tokoh dalam bidang berkaitan dalam sektor industri,
 - (d) Mempunyai kelayakan profesional yang diiktiraf (contoh: sijil profesional, pengiktirafan kebangsaan atau antarabangsa) atau kelayakan akademik (minimum Sarjana Muda. Keutamaan lulusan Sarjana atau Doktor Falsafah).
 - (e) Mendapat pelepasan atau persetujuan daripada organisasi asal (jika masih dalam perkhidmatan).
 - (f) Tiada had umur ditetapkan
 - (g) Terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara.